



# **ANALISIS KEPUTUSAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)**

## **TAHUN 2017**

**JABATAN PENDIDIKAN FELDA**



## **Maklumat Am SPM 2017**

Peperiksaan bertulis SPM tahun 2017 telah dijalankan dari 6 November hingga 4 Disember 2017 di 3,363 pusat peperiksaan. Seramai 35,341 petugas telah berkhidmat untuk memastikan pelaksanaan peperiksaan berjalan lancar. Sejumlah 73 mata pelajaran ditawarkan dalam peperiksaan ini dan seramai 22,844 guru telah dilantik untuk memeriksa skrip jawapan peperiksaan. Bilangan calon yang mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPM tahun 2017 bertambah seramai 9,348 calon kepada 443,883 calon berbanding 434,535 calon pada tahun 2016, iaitu peningkatan sebanyak 2.15%.

Bagi sekolah-sekolah di FELDA, seramai 8,323 calon telah menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2017 berbanding 8,735 calon pada tahun 2016 dengan penurunan sebanyak 412 (4.42%) calon. Perincian maklumat mengikut kategori calon pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

CALON DUDUKI SPM 2017	2017	2016	Beza 2016/2017
	Bil	Bil	Bil
Calon FELDA Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	8323	8735	-412

**Jadual 1:** Perbandingan perbezaan Calon FELDA Peperiksaan SPM Tahun 2017 dan 2016

## **Pelaporan Keputusan SPM 2017**

Keputusan peperiksaan SPM dilaporkan berdasarkan pencapaian calon dan prestasi mata pelajaran. Pencapaian calon merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pembelajaran dalam kesemua mata pelajaran yang diuji. Indeks yang digunakan untuk menunjukkan pencapaian calon di seluruh negara ialah Gred Purata Nasional (GPN). Nilai GPN yang lebih kecil menunjukkan pencapaian yang lebih baik.

Prestasi mata pelajaran pula merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diukur dalam setiap mata pelajaran. Indeks yang digunakan untuk menunjukkan prestasi mata pelajaran ialah Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP). Nilai GPMP yang lebih kecil juga menunjukkan prestasi yang lebih baik.

## **Pencapaian Calon FELDA SPM 2017**

Pelaporan analisis keputusan peperiksaan SPM ini adalah berdasarkan calon sekolah KPM yang menduduki minimum enam (6) mata pelajaran teras kecuali dinyatakan sebaliknya.

Pencapaian calon bagi tahun 2017 adalah lebih baik berbanding pada tahun 2016. Gred Purata Nasional (GPN) pada tahun 2017 ialah 4.90 berbanding 5.05 pada tahun 2016 dengan peningkatan sebanyak 0.15.

Sehubungan itu, GPS FELDA pada tahun 2017 iaitu 5.34 lebih rendah berbanding Gred Purata Nasional (GPN) iaitu 4.90, GPS FELDA mencatatkan peningkatan sebanyak 0.15 mata berbanding tahun 2016. Trend GPS FELDA dari tahun 2014 ditunjukkan dalam **Jadual 2**.

TAHUN	GPS FELDA
2017	5.34
2016	5.49
2015	5.55
2014	5.49

**Jadual 2:** Trend GPS FELDA dari tahun 2014


GPS FELDA telah menunjukkan peningkatan selari dengan peningkatan peringkat nasional yang mana akan memberi impak positif kepada prestasi sekolah-sekolah di seluruh negara termasuklah sekolah di FELDA.

### **Kedudukan Wilayah Berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS)**

Senarai kedudukan wilayah berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS). Daripada jadual ini, kesemua 10 buah wilayah FELDA menunjukkan peningkatan dalam gred mata GPS FELDA 2017 berbanding 2016. Manakala, bagi GPS Wilayah Trolak menurun sebanyak 0.02 mata dan enam wilayah di bawah GPS FELDA.

BIL	WILAYAH	BIL. DUDUKI	GPS 2017	GPS 2016	PERBEZAAN GPS 2017/2016	PERBANDINGAN DI ANTARA GPS 2016 DAN 2017
1	Jengka	1048	4.98	5.00	0.02	Meningkat
2	Segamat	488	4.99	5.29	0.30	Meningkat
3	Kuantan	1234	5.12	5.33	0.21	Meningkat
4	Raja Alias	924	5.15	5.26	0.11	Meningkat
5	Johor Bahru	1259	5.29	5.55	0.26	Meningkat
<b>GRED PURATA SEKOLAH (GPS) FELDA = 5.34</b>						
6	Alor Setar	355	5.37	5.51	0.14	Meningkat
7	Mempaga	872	5.42	5.46	0.04	Meningkat
8	Trolak	437	5.61	5.59	0.02	Menurun
9	Gua Musang	384	5.71	5.84	0.13	Meningkat
10	Terengganu	680	5.77	5.89	0.12	Meningkat
11	Sahabat	642	5.97	6.36	0.39	Meningkat
<b>KESELURUHAN</b>		<b>8323</b>	<b>5.34</b>	<b>5.49</b>	<b>0.15</b>	<b>MENINGKAT</b>

**Jadual 3 :** Kedudukan Wilayah Berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS)



**Rajah 3 : Perbandingan Gred Purata sekolah (GPS) FELDA Tahun 2017 dan Tahun 2016**

## **Senarai 10 Sekolah Terbaik Keseluruhan Berdasarkan Gred Purata Sekolah**

Senarai 10 buah sekolah terbaik keseluruhan di antara sekolah menengah di FELDA bagi peperiksaan SPM 2017.

BIL	SEKOLAH	WILAYAH	BIL. DUDUKI	GRED PURATA
1	SMK Jengka Pusat, Maran Pahang	Jengka	97	3.49
2	SMK Bukit Rokan, Gemenceh, N.Sembilan	Raja Alias	12	3.57
3	SMK PPP Tun Razak, Jerantut, Pahang	Jengka	128	3.67
4	SMK Bandar Baru Serting (Felda) Bandar Seri Jempol, N.Sembilan	Raja Alias	94	3.82
5	SMK (Lktp) Chini, Pekan Pahang	Kuantan	83	4.33
6	SMK Keratong, Rompin Pahang	Kuantan	76	4.35
7	SMK Bukit Goh, Kuantan, Pahang	Kuantan	109	4.5
8	SMK Lktp Kahang Timur	Segamat	54	4.53
9	SMK Chanis, Rompin Pahang	Kuantan	59	4.58
10	SMK Tembangau, Bera Pahang	Mempaga	64	4.62

**Jadual 4 : Senarai 10 Sekolah Terbaik GPS FELDA**

## **Senarai 10 Sekolah Terendah Keseluruhan Berdasarkan Gred Purata Sekolah**

Senarai 10 buah sekolah terendah keseluruhan di antara sekolah menengah di FELDA bagi peperiksaan SPM 2017.

BIL	SEKOLAH	WILAYAH	BIL. DUDUKI	GRED PURATA
1	SMK Chalok (Model Khas)	Terengganu	133	6.33
2	SMK Desa Kencana Lahad Datu	Sahabat	333	6.31
3	SMK (FELDA) Tenggaroh, Johor	Johor Bahru	112	6.29
4	SMK Landas, Terengganu	Terengganu	63	6.19
5	SMK Sungai Koyan, Lipis Pahang	Mempaga	147	6.09
6	SMK Jengka 10, Maran Pahang	Jengka	44	6.01
7	SMK Chiku (2), Gua Musan, Kelantan	Gua Musang	146	5.98
8	SMK Lepar Hilir, Kuantan Pahang	Kuantan	107	5.97
9	SMK Seri Cheneh, Kemaman, Terengganu	Terengganu	32	5.91
10	SMK LKTP Lurah Bilut, Bentong Pahang	Mempaga	56	5.91

**Jadual 5 : Senarai 10 Sekolah Terendah GPS FELDA**

## **Pencapaian Calon FELDA Cemerlang semua A**

Rumusan Pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seramai 12 (0.14%) calon telah berjaya memperoleh semua gred A (Cemerlang) bagi semua mata pelajaran yang diduduki berbanding sembilan (0.10%) calon pada tahun 2016, iaitu peningkatan sebanyak 0.04%.

BIL.	FELDA WILAYAH	BIL. DUDUKI 2017	BIL. DUDUKI 2016	BIL. CEMERLANG SEMUA A			
				2017		2016	
				JUM	%	JUM	%
1	Alor Setar	355	362	0	0.00	0	0.00
2	Trolak	437	492	0	0.00	0	0.00
3	Raja Alias	924	1,104	3	0.32	2	0.18
4	Segamat	488	553	3	0.61	0	0.00
5	Johor Bahru	1259	1,263	1	0.08	1	0.08
6	Mempaga	872	907	2	0.23	1	0.11
7	Jengka	1048	1,015	2	0.19	1	0.10
8	Kuantan	1234	1,257	1	0.08	3	0.24
9	Terengganu	680	717	0	0.00	0	0.00
10	Gua Musang	384	401	0	0.00	1	0.25
11	Sahabat	642	664	0	0.00	0	0.00
<b>KESELURUHAN</b>		<b>8323</b>	<b>8735</b>	<b>12</b>	<b>0.14</b>	<b>9</b>	<b>0.10</b>

**Jadual 6:** Rumusan Pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017  
Cemerlang

## **Pencapaian Calon FELDA 6A keatas**

Rumusan Pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seramai 278 mendapat keputusan 6A keatas termasuk calon yang memperolehi semua gred A (Cemerlang) bagi semua mata pelajaran. Pencapaian ini tidak dilaporkan calon yang mendapat minimum gred G.

BIL	FELDA WILAYH	12A	11A	10A	9A	8A	7A	6A	JUMLAH
1	Alor Setar	0	0	1	1	5	6	10	<b>23</b>
2	Trolak	0	0	0	0	0	1	8	<b>9</b>
3	Raja Alias	0	0	0	2	5	11	15	<b>33</b>
4	Segamat	0	0	1	3	2	4	8	<b>18</b>
5	Johor Bahru	0	0	0	0	1	15	18	<b>34</b>
6	Mempaga	0	0	1	1	0	7	7	<b>16</b>
7	Jengka	0	0	2	1	5	11	31	<b>50</b>
8	Kuantan	0	0	0	3	6	15	42	<b>66</b>
9	Terengganu	0	0	0	0	3	3	5	<b>11</b>
10	Gua Musang	0	0	0	0	0	2	2	<b>4</b>
11	Sahabat	0	0	0	0	1	6	8	<b>15</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>0</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>11</b>	<b>28</b>	<b>81</b>	<b>154</b>	<b>278</b>

**Jadual 7:** Rumusan Pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia 6A Ke Atas  
termasuk calon FELDA cemerlang semua A

## **Perbandingan Pencapaian Calon SPM 2017 Sekolah Dalam Rancangan FELDA Berbanding Sekolah Luar Bandar.**

Pencapaian calon di FELDA dan di luar bandar mengikut nilai GPS FELDA dan GPN pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 ditunjukkan dalam **Jadual 8**.

TAHUN	NILAI GRED PURATA		
	FELDA	LUAR BANDAR (NILAI GPN)	JURANG
2017	5.34	5.22	0.12
2016	5.49	5.35	0.14
Beza	0.14	0.14	0.00

**Jadual 8:** Pencapaian Calon SPM 2017 Di FELDA  
Berbanding di Luar Bandar

Pengiraan Nilai GPN Luar Bandar adalah termasuk sekolah-sekolah FELDA. Jurang pencapaian antara calon FELDA dan di luar bandar adalah meningkat daripada 0.14 pada 2016 kepada 0.12 tahun 2017 dengan pengecilan sebanyak 0.02 mata

Pencapaian calon FELDA meningkat sebanyak 0.15 mata GPS FELDA iaitu 5.34 pada tahun 2017 berbanding 5.49 pada tahun 2016, pencapaian calon di luar bandar peringkat nasional juga meningkat sama sebanyak 0.13 mata GPN iaitu 5.22 pada tahun 2017 berbanding 5.35 pada tahun 2016.

## Pensijilan SPM

Mulai SPM tahun 2013, semua calon wajib lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah untuk layak mendapat sijil SPM. Pencapaian calon FELDA 2017 yang layak mendapat sijil adalah lebih baik berbanding pada tahun 2016 dengan peningkatan 0.66%. Beberapa wilayah menunjukkan penurunan calon yang tidak layak mendapat sijil. Rumusan analisa pensijilan SPM bagi calon FELDA pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 ditunjukkan dalam **Jadual 9**.

BIL	WILAYAH	BIL. DUDUKI		CALON YANG LAYAK MENDAPAT SIJIL (WAJIB LULUS BM & SEJARAH)				Calon yang tidak layak mendapat sijil (TH semua MP/gagal semua MP)			
		2017	2016	2017		2016		2017		2016	
				JUM	%	JUM	%	JUM	%	JUM	%
1	Alor Setar	355	362	298	83.94	286	79.01	57	16.06	76	20.99
2	Trolak	437	492	381	87.19	435	88.41	56	12.82	57	11.59
3	Raja Alias	924	1,104	815	88.20	970	87.86	109	11.80	134	12.14
4	Segamat	488	553	470	96.31	517	93.49	18	3.69	36	6.51
5	Johor Bahru	1,259	1,263	1,131	89.83	1,149	90.97	128	10.17	114	9.03
6	Mempaga	872	907	738	84.63	796	87.76	134	15.37	111	12.24
7	Jengka	1,048	1,015	964	91.98	940	92.61	84	8.02	75	7.39
8	Kuantan	1,234	1,257	1,109	89.87	1,100	87.51	125	10.13	157	12.49
9	Terengganu	680	717	580	85.29	607	84.66	100	14.71	110	15.34
10	Gua Musang	384	401	333	86.72	344	85.79	51	13.28	57	14.21
11	Sahabat	642	664	517	80.53	497	74.85	125	19.47	167	25.15
<b>RUMUSAN</b>		<b>8,323</b>	<b>8735</b>	<b>7336</b>	<b>88.14</b>	<b>7641</b>	<b>87.48</b>	<b>987</b>	<b>11.86</b>	<b>1094</b>	<b>12.52</b>

**Jadual 9 : Rumusan Analisis Pensijilan SPM Tahun 2017 Berbanding Tahun 2016.**

## Prestasi Mata Pelajaran

Dalam SPM 2017, prestasi bagi lima daripada enam mata pelajaran teras meningkat, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Sejarah dan Matematik. Walaupun mata pelajaran Sains mengalami penurunan ianya selari dengan trend Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Nasional yang juga mengalami penurunan bagi subjek sains tersebut.

Bagi mata pelajaran teras, prestasi mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah FELDA meningkat sebanyak 0.43 mata GPMP iaitu 3.97 berbanding 4.40 tahun 2016. Peningkatan GPMP FELDA ini lebih baik berbanding peringkat Nasional iaitu 4.14 mata GPMP.

Tahun 2017, syarat layak untuk mendapat sijil SPM masih lagi mengekalkan calon wajib lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah. Pihak sekolah perlu memikirkan cara yang lebih efektif selain daripada hanya menjalankan tuisyen semata-mata bagi mata pelajaran tersebut. Ibu bapa juga perlu memainkan peranan dan bekerjasama dalam membantu pihak sekolah dalam meningkatkan prestasi pelajaran anak-anak mereka.

Prestasi bagi semua mata pelajaran teras dalam SPM 2017 ditunjukkan secara terperinci dalam **Jadual 10**. Nilai GPMP yang lebih kecil menunjukkan pencapaian calon yang lebih baik.

MATA PELAJARAN	FELDA / NASIONAL	TAHUN	GPMP
Bahasa Melayu	FELDA	2015	4.63
		2016	4.40
		2017	3.97
	Nasional	2017	4.14
MATA PELAJARAN	FELDA / NASIONAL	TAHUN	GPMP
Bahasa Inggeris	FELDA	2015	7.30
		2016	7.24
		2017	7.17
	Nasional	2017	5.96
MATA PELAJARAN	FELDA / NASIONAL	TAHUN	GPMP
Pendidikan Islam	FELDA	2015	4.93
		2016	4.68
		2017	4.41
	Nasional	2017	4.26
MATA PELAJARAN	FELDA / NASIONAL	TAHUN	GPMP
Sejarah	FELDA	2015	5.51
		2016	5.83
		2017	5.77
	Nasional	2017	5.30
MATA PELAJARAN	FELDA / NASIONAL	TAHUN	GPMP
Matematik	FELDA	2015	5.98
		2016	6.28
		2017	5.81
	Nasional	2017	5.04
MATA PELAJARAN	FELDA / NASIONAL	TAHUN	GPMP
Sains	FELDA	2015	5.22
		2016	5.07
		2017	5.09
	Nasional	2017	5.06

**Jadual 10:** Prestasi bagi semua mata pelajaran teras dalam SPM 2017

## **Pelaporan Kualiti Jawapan Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) semua Calon SPM 2017**

Pada tahun 2014, soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) telah mula diperkenalkan dalam kertas peperiksaan SPM mengikut definisi operasi yang diguna pakai oleh KPM dan perkara ini termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Soalan KBAT dalam konteks pendidikan di Malaysia ialah soalan yang memerlukan calon untuk mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan mencipta. Pada tahun ini, KPM melaporkan keupayaan calon menjawab soalan KBAT dalam peperiksaan berdasarkan kemahiran berfikir yang diperlukan untuk menjawab soalan. Dapatan kajian ini diperoleh berdasarkan sampel yang sesuai untuk tujuan laporan ini.

Secara keseluruhannya, 66% calon SPM 2017 telah menguasai KBAT dengan baik. Berdasarkan kualiti jawapan calon, 27% calon menguasai KBAT pada tahap tinggi, 39% pada tahap sederhana dan 34% pada tahap rendah. Calon menguasai kemahiran mengaplikasi pada tahap yang tinggi, namun kemahiran menganalisis, menilai dan mencipta masih pada tahap sederhana.

### **Kemahiran Mengaplikasi**

Secara umumnya, bagi soalan mengaplikasi, sebanyak 41% calon memberikan jawapan yang berkualiti tinggi. Calon dapat mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan fakta, teori, konsep, prinsip dan peraturan dengan betul, tepat, terperinci serta mendalam dalam semua konteks. 20% calon memberikan jawapan pada kualiti yang sederhana. Calon dapat mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai

dengan betul dalam sebahagian tugas dan terhad kepada konteks tertentu sahaja. 39% calon pula memberikan jawapan yang rendah kualitinya dengan hanya mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dengan betul dan terhad kepada sebahagian tugas dalam konteks yang mudah.

### **Kemahiran Menganalisis**

Bagi soalan menganalisis, 27% calon memberikan jawapan yang berkualiti tinggi. Calon dapat menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang diperoleh dengan betul serta memberi penerangan yang terperinci dan jelas berserta bukti yang tepat. Manakala 40% calon memberikan jawapan yang sederhana kualitinya. Calon boleh menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang diperoleh namun penerangan yang dikemukakan hanya memenuhi sebahagian tugas dan terhad kepada konteks tertentu sahaja. Sejumlah 33% calon memberikan jawapan dengan kualiti yang rendah. Calon dapat menganalisis dan menginterpretasi maklumat secara terhad kepada sebahagian tugas dalam konteks yang mudah.

### **Kemahiran Menilai**

Sejumlah 29% calon memberikan jawapan berkualiti tinggi bagi soalan yang menguji kemahiran menilai. Calon mampu membuat pertimbangan menggunakan maklumat yang diberikan untuk menyelesaikan masalah dan menilai maklumat serta membuat kesimpulan yang berasas. 40% calon memberikan kualiti jawapan pada tahap yang sederhana. Calon membuat pertimbangan menggunakan maklumat secara terbatas untuk menyelesaikan masalah dan membuat kesimpulan. Manakala 31% calon

pula memberikan jawapan yang rendah kualitinya. Calon membuat pertimbangan menggunakan maklumat secara terhad.

## **Kemahiran Mencipta**

Bagi soalan yang menguji kemahiran mencipta, sejumlah 10% calon memberikan jawapan yang berkualiti tinggi. Calon dapat menghasilkan sesuatu yang baharu dengan perancangan yang sistematik dan berupaya mengemukakan evidens yang lengkap dan mempamerkan kematangan berfikir secara rasional dalam membuat pertimbangan. 55% calon pula memberikan jawapan pada kualiti sederhana. Calon boleh menghasilkan sesuatu yang baharu dengan perancangan yang kurang sistematik. Manakala 35% calon memberikan jawapan pada kualiti rendah dengan mengemukakan idea yang terbatas dan memberikan cadangan yang tidak jelas.

## **Pengiktirafan SPM Di Peringkat Antarabangsa**

Bagi tujuan penandaarasan dan penjaminan kualiti di peringkat antarabangsa, sukacita saya memaklumkan bahawa pakar pentaksiran dari luar negara terlibat dalam peperiksaan SPM bermula daripada penghasilan instrumen sehingga pengeluaran keputusan. Pada tahun 2017, pakar pentaksiran yang terlibat ialah dari Cambridge Assessment International Education (CAIE), United Kingdom; Cito, the Netherlands dan Pearson, United Kingdom.

Pakar pentaksiran tersebut berpuas hati dengan proses pembinaan instrumen, pemeriksaan skrip jawapan peperiksaan dan Mesyuarat Penentuan Standard yang telah dilaksanakan dengan penuh profesionalisme dan kredibiliti yang tinggi. Mereka juga berpendapat

bahawa kesemua proses tersebut menepati ciri-ciri piawaian pentaksiran pendidikan dan telah diurus secara sistematik bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan keputusan peperiksaan yang tinggi.

Kerjasama antara Lembaga Peperiksaan dengan CAIE, United Kingdom telah memberi peluang kepada calon berkelayakan SPM melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi di luar negara. Calon yang berjaya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris turut mendapat sijil GCE O-Level bagi mata pelajaran berkenaan. Sijil tersebut telah dijajarkan dengan Common European Framework of Reference (CEFR) for Languages. Pada tahun 2017, seramai 54.9% calon berjaya memperoleh sijil GCE O-Level bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Calon yang menduduki mata pelajaran Prinsip Perakaunan juga berpeluang memperoleh sijil LCCI Level 2 Book Keeping and Account melalui kerjasama Lembaga Peperiksaan dengan Pearson, United Kingdom. Seramai 56.2% calon daripada sejumlah 75,467 calon yang menduduki mata pelajaran Prinsip Perakaunan layak menerima sijil tersebut.

## **Penutup**

Sebagai kesimpulan, keputusan SPM FELDA 2017 menunjukkan peningkatan pencapaian keseluruhan calon. Nilai GPS FELDA pada tahun 2017 iaitu 5.34 mencatatkan peningkatan sebanyak 0.15 mata berbanding tahun 2016 iaitu 5.49. Berdasarkan analisis ini, wilayah-wilayah FELDA telah menunjukkan peningkatan dalam gred mata GPS seterusnya menyumbang kepada peningkatan kepada GPS FELDA secara keseluruhan pada tahun 2017.

Bagi pencapaian SPM 2017, Seramai 12 (0.14%) calon telah berjaya memperoleh semua gred A (Cemerlang) bagi semua mata pelajaran yang diduduki berbanding sembilan (0.10%) calon pada tahun 2016, iaitu peningkatan sebanyak 0.04%. Manakala seramai 278 mendapat keputusan 6A keatas termasuk calon yang memperolehi semua gred A (Cemerlang) bagi semua mata pelajaran. Peratusan pencapaian calon 2017 yang layak mendapat sijil adalah lebih baik berbanding pada tahun 2016 dengan peningkatan 0.66%. Manakala peratusan penurunan calon yang tidak layak mendapat sijil dengan penurunan keseluruhan sebanyak 0.66% berbanding tahun 2016.

Analisis SPM FELDA 2017 menunjukkan prestasi bagi lima daripada enam mata pelajaran teras meningkat, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Sejarah dan Matematik. Walaupun mata pelajaran Sains mengalami penurunan ianya selari dengan trend Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Nasional yang juga mengalami penurunan bagi subjek sains tersebut.

Secara keseluruhan, analisis ini juga menunjukkan bahawa FELDA sentiasa memastikan kesamarataan peluang dan akses kepada pendidikan berkualiti kepada semua calon FELDA di seluruh negara. Pelbagai program akan terus dirangka dan ditambahbaik bagi memastikan peningkatan keberhasilan murid sekolah rancangan FELDA. Diharapkan maklumat yang terdapat dalam analisis keputusan ini boleh digunakan untuk menambah baik kualiti program kecemerlangan pendidikan yang dianjurkan oleh FELDA seiring dengan aspirasi Pendidikan Negara

## **Penghargaan**

Jabatan Pendidikan FELDA (JPF) merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada calon-calon yang telah berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan SPM 2017. Semoga mereka dapat meneruskan budaya kecemerlangan ini dalam kehidupan mereka dalam apa jua bidang yang akan diceburi agar dapat memberi sumbangan yang bermakna dan berharga kepada kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan seterusnya kepada pembangunan negara.

Kepada calon yang kurang berjaya pula, anggaplah kegagalan itu sebagai satu cabaran dan peluang untuk mencipta kejayaan yang lain pada masa akan datang. JPF mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada ibu bapa, guru, pentadbir sekolah dan masyarakat yang memberi kerjasama sepenuhnya dalam membangun dan meningkatkan tahap pendidikan secara berterusan. Kejayaan ini adalah hasil daripada usaha dan perancangan yang rapi semua pihak yang terlibat. Semoga pencapaian peperiksaan yang cemerlang ini akan berterusan pada setiap masa.

Sekian, terima kasih.

**MOHD RIDZUAN MOHD NOOR**  
Pengarah  
Jabatan Pendidikan  
FELDA

